

Modal insan berinovasi mampu tingkat kualiti organisasi

Para pekerja juga mesti komited dan mempunyai dedikasi yang tinggi

UB 17.12.2022 P.06

KOTA KINABALU: Mewujudkan modal insan berinovasi dalam sesebuah organisasi adalah amat penting bagi meningkatkan kualiti serta produktiviti sesebuah organisasi.

Pengarah Pusat Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Jakaria Dasan berkata, budaya inovasi mampu memangkin kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan.

"Terdapat empat aspek penting yang boleh memupuk semangat inovasi dalam kalangan pekerja iaitu elemen rohani, kepemimpinan,

minat menimba ilmu, kontrak psikologi majikan dan pekerja serta berkarya yakni berinovasi untuk terus berjaya dalam kerjaya.

"Elemen rohani misalnya berkaitan dengan modal insan berketerampilan positif, responsif, proaktif disebabkan rohani seseorang individu yang memahami, menghayati maksud dan peranan sebagai manusia yang dengan tujuan untuk menjadi ikutan yang baik kepada orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah bertajuk Modal Insan Berinovasi sempena Hari Inovasi Maktab Rendah Sains MARA (MRSR) Kota



KENANGAN: Guru dan kakitangan MRSR Kota Kinabalu merakamkan kenangan bersama Jakarta dan Amiruddin.

Kinabalu baru-baru ini.

Jakaria turut menjelaskan modal insan yang berinovasi juga adalah mereka yang cinta dan minat kepada ilmu, dengan kepesatan pembangunan teknologi maklumat dan digitalisasi pada masa

kini, pelbagai platform pendidikan ilmu boleh diakses bagi mengasah kemahiran.

"Modal insan berinovasi juga faham maksud kontrak psikologi yang tidak bertulis diantara majikan dan pekerja, kerana selain

menyediakan peluang bekerja, majikan juga dituntut untuk memastikan pembangunan kerjaya pekerja sentiasa dibuka luas serta diberi ganjaran yang setimpal.

"Pada masa yang sama, para pekerja pula mesti

komited dan mempunyai dedikasi yang tinggi, ini sekali gus akan merangsang semangat pekerja untuk berinovasi," katanya.

Beliau menambah, keinginan untuk melakukan inovasi itu sendiri menjadi

penentu kepada penghasilan sesebuah inovasi.

"Pendek kata, memiliki hati nurani yang hebat hasil dari pegangan rohani yang kuat, sentiasa dahagakan ilmu, sedar akan peranan yang perlu dimainkan dan semangat

"Berinovasi bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti akan menjadikan seseorang itu tergolong dalam kumpulan modal insan berinovasi," katanya.

Sambutan Hari Inovasi MRSR Kota Kinabalu yang dirasmikan oleh pengetuaannya, Amiruddin Mohd Ghazali adalah satu inisiatif institusi pendidikan tersebut dalam menyemai dan memperkasakan budaya inovasi, kreativiti dalam kalangan warga kerja MRSR Kota Kinabalu yang terdiri daripada pihak pengurusan, guru serta kakitangan.